



LEMBAGA PEPERIKSAAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pusat Peperiksaan LPKKKP

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E

Tel : 03-89113800 Emel : exam@niosh.com.my

No. Ruj. : NIOSH/06/BOE/NOTIS/2023 (01)

Tarikh : 02^{hb} Jun 2023

NOTIS MAKLUMAN KEPADA PUSAT PENGAJAR DAN CALON PEPERIKSAAN

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN SYARAT DAN FORMAT PEPERIKSAAN BAGI PROGRAM PEPERIKSAAN KOMPETENSI PERUNDANGAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) bersetuju bagi perubahan Syarat dan Format Peperiksaan bagi program peperiksaan kompetensi perundangan seperti berikut ;

- i. Penyelarasan kepada tempoh menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh tamat kursus.
 - a. Syarat ini berkuatkuasa bagi kursus yang bermula pada 01^{hb} Januari 2024.
 - b. Sekiranya calon tidak menduduki peperiksaan dalam tempoh yang ditetapkan, calon perlu mengambil semula kursus tersebut.
 - c. Program yang terlibat adalah SHO, IAQ, HT1, HT2, CHRA, NRA dan OHD. Manakala bagi program AGTES/ AGTES-R, SSS dan Operator Kren adalah kekal seperti sedia ada.
- ii. Penyelarasan bilangan mengulang peperiksaan daripada empat (4) kali kepada tiada had dalam tempoh dua (2) tahun.
 - a. Syarat ini berkuatkuasa pada 01^{hb} Januari 2024 untuk calon baharu sahaja.
 - b. Peperiksaan yang terlibat adalah SHO, AGTES/ AGTES-R, IAQ, HT1, HT2, CHRA, NRA dan OHD. Manakala bagi peperiksaan SSS dan Operator Kren adalah kekal tiada had seperti sedia ada.

**MAKLUMAN PERUBAHAN SYARAT DAN FORMAT PEPERIKSAAN BAGI PROGRAM
PEPERIKSAAN KOMPETENSI PERUNDANGAN**

3. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp <https://wa.me/60196668599> atau e-mel exam@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



IR. HAJI MOHD HATTA BIN ZAKARIA

Pengerusi

Lembaga Peperiksaan Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)